

# ***STANDARD OPERATING PROCEDURE & GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DRONE UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)***



***STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)***  
**DAN GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DRON**  
***UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)***  
**BAHAGIAN PEMBANGUNAN**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

dan telah disahkan dan diluluskan melalui  
Mesyuarat Pengurusan Dan Kewangan  
Bahagian Pembangunan,  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

Bil. 3/2019

# ISI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
<b>GLOSARI</b>	i
<b>PERUTUSAN TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG (PEMBANGUNAN)</b>	ii
<b>KATA ALUAN KETUA PENYELARAS DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PEJABAT SUK PAHANG</b>	iii
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TUJUAN	3
3.0 SYARAT DAN PANDUAN	3
3.1 Peraturan dan Perundangan Penerbangan	
3.2 Panduan berada di kawasan operasi	
4.0 PASUKAN DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG	5
4.1 Syarat <i>Pilot in Charge-Drone</i> (PIC-D)	
4.2 Skop Pasukan Dron	
5.0 <i>STANDARD OPERATING PROCEDURE</i> (SOP) DAN GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DRON UAV	8
5.1 Prosedur Kerja Sebelum Operasi	
5.2 Prosedur Kerja Semasa Operasi	
5.3 Prosedur Penyelenggaraan Selepas Operasi	
6.0 PERMOHONAN PERKHIDMATAN DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG Carta Alir Permohonan Perkhidmatan Dron UAV Lampiran	12

## GLOSARI

<b>CAAM</b>	-	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
<b>JUPEM</b>	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
<b>SUK</b>	-	Setiausaha Kerajaan Pahang
<b>BPEN</b>	-	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
<b>BKSA</b>	-	Badan Kawal Selia Air
<b>BKT</b>	-	Bahagian Kerajaan Tempatan
<b>BR</b>	-	Bahagian Perumahan
<b>BGSP</b>	-	Bahagian Geospasial Pertahanan
<b>GIS</b>	-	<i>Geography Information System</i> / Sistem Maklumat Geografi
<b>SOP</b>	-	<i>Standard Operating Procedures</i>
<b>NGO</b>	-	<i>None Government Organization</i> / Badan Bukan Kerajaan
<b>UAV</b>	-	<i>Unmanned Aerial Vehicle</i>
<b>TSUK (P)</b>	-	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
<b>PIC-D</b>	-	<i>Pilot In Charge – Drone</i>
<b>PIC</b>	-	<i>Person in Charge</i>
<b>UAV-C</b>	-	<i>UAV Commander</i>
<b>UAV-P</b>	-	<i>UAV Pilot</i>
<b>UAV-AP</b>	-	<i>UAV Assistant Pilot</i>
<b>PD</b>	-	<i>Processing Data</i>
<b>POI</b>	-	<i>Point of Interest</i>
<b>AOI</b>	-	<i>Area of Interest</i>
<b>GNSS</b>	-	<i>Global Navigation Satellite System</i>
<b>NOTAM</b>	-	<i>Notice to Airmen</i>
<b>KML</b>	-	<i>Keyhole Markup Language</i>
<b>KMZ</b>	-	<i>Keyhole Markup Language (Zip File)</i>
<b>CPU</b>	-	<i>Central Processing Unit</i>

**PERUTUSAN**  
**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN)**  
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

Syukur ke hadrat Ilahi dengan rahmat dan inayahNya Bahagian Pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menyediakan dokumen *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Garis Panduan Pengendalian Dron *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV). Penyediaan dokumen ini sangat penting bagi memberi panduan atau rujukan dalam memastikan penggunaan dan pengendalian dron UAV diurus dengan telus, sistematik dan selamat.

Penggunaan pesawat dron UAV ini adalah sebagai alat bantu kepada pemantauan dan pemetaan sesuatu kawasan AOI melalui pemerolehan gambar, fotograf udara, video, dan juga pemerolehan maklumat penentududukan global GPS dengan menerapkan elemen fotogrametri, fotografi dan teknologi geomatik/GNSS terkini. Penggunaan Dron UAV di Bahagian Pembangunan, Pejabat SUK Pahang ini dapat membantu dalam menjalankan kerja-kerja pemantauan projek, pengesahan POI/AOI, pengemaskinian guna tanah semasa di lapangan dan memberi gambaran jelas terhadap aktiviti-aktiviti penerokaan haram, pencerobohan tanah dan bencana alam. Selain itu, pengoperasian dron UAV di udara membolehkan sesuatu tempat atau mukabumi yang tidak dapat diakses dengan mudah di daratan berupaya diperolehi dengan mudah. Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri boleh mendapatkan perkhidmatan penggunaan dron daripada Pentadbiran ini bagi kerja-kerja yang berkaitan pemerolehan maklumat menerusi pengamatan imej fotograf udara dengan berurusan kepada Pegawai Penyelaras Dron di Pentadbiran ini berpandukan kepada prosedur yang digariskan dalam dokumen SOP dan garis panduan yang disediakan.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak-pihak yang telah menjayakan pengurusan dan pelaksanaan pengoperasian dron UAV ini di mana ia diharap dapat meningkatkan proses pemerolehan dan verifikasi maklumat butiran di lapangan dengan lebih cepat, mudah, tepat dan kos-efektif selaras dengan saranan Kerajaan ke arah dunia *digitalization* yang sedang berkembang kini. Sekian, terima kasih.



**(DATO' RAZIHAN BIN ADZHARUDDIN, DIMP.)**  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang

**KATA ALUAN KETUA PENYELARAS  
PASUKAN DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

Syukur Alhamdulillah, Pasukan Dron Bahagian Pembangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menyediakan dokumen *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Garis Panduan Pengendalian Dron *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) Bahagian Pembangunan dengan jayanya. Dokumen SOP ini merangkumi pelbagai perkara penting yang perlu dipatuhi oleh setiap pengguna seperti tatacara pakaian *Pilot In Charge* (PIC DRON), perancangan penerbangan (*Flight Mission Planning*), aspek keselamatan dan persekitaran di lapangan serta pengurusan aset dron UAV sebelum, semasa dan penyelenggaraan selepas pengoperasian dijalankan.

Selain itu, sesi pengendalian pesawat dron UAV di lapangan juga perlu diutamakan seperti aspek keselamatan persekitaran (manusia, bangunan, pokok dan struktur binaan lain), kelajuan angin dan keadaan cuaca. Ketiga-tiga aspek ini amat penting dalam memastikan perjalanan operasi dan penerbangan pesawat dron UAV di lapangan berjalan dengan lancar dan selamat.

Dokumen ini diharap dapat memudahkan pengguna mendapatkan perkhidmatan dron UAV berpandukan SOP seterusnya akan dijadikan panduan dalam perancangan penerbangan dron dengan mengikut prosedur dan langkah keselamatan yang telah ditetapkan. Semoga dengan adanya SOP ini, proses pengendalian dron UAV ini akan menjadi lebih teratur dan selamat tanpa sebarang kemalangan dan kemungkinan yang tidak diingini berlaku. Sekian, terima kasih.



**(RUDY ROHAN BIN JOHAN)**

Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Makro)

Bahagian Perancang Ekonomi Negeri

**b.p.** Setiausaha Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Pahang

**STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)  
DAN GARIS PANDUAN PENGENDALIAN  
DRON UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**1.0. PENGENALAN**

Pesawat udara dron UAV (*Unmanned Aerial Vehicle*) ataupun dikenali sebagai pesawat tanpa juruterbang adalah satu pesawat udara kecil yang hanya dikawal dari pusat kawalan atau pengguna di daratan untuk mengendalikannya. UAV memiliki dua kelainan iaitu sama ada dikendalikan secara bebas atau diterbangkan secara *autopilot* berdasarkan perancangan operasi penerbangan.

Pada masa kini banyak permintaan dan penggunaan untuk dron UAV bagi tujuan gambar fotograf udara, video, pemantauan bagi sesuatu tempat serta melakukan pemerolehan maklumat melalui fotogrametri dan geomatik/GNSS. Teknologi ini juga telah digunakan di kalangan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta dan pelbagai pertubuhan lain.

Bahagian Pembangunan memiliki dua (2) unit dron iaitu jenis **DJI Phantom 4 Pro (Rajah 1)** di bawah seliaan Unit Sistem Maklumat Geografi (GIS) Negeri Pahang. Unit GIS Negeri Pahang, telah menyediakan satu **Standard Operating Procedure (SOP)** dan **Garis Panduan Pengendalian Dron UAV** untuk rujukan pasukan dron (**Rajah 2**).

SOP ini membolehkan pelaksanaan berjalan dengan lancar dengan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keperluan ini boleh berubah mengikut permohonan bergantung kepada keperluan semasa dan *ad-hoc*. Setiap permohonan perlulah **mendapatkan kelulusan** dan **kebenaran** terlebih dahulu daripada **Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Pejabat SUK Pahang**.

## Rajah 1: DJI PHANTOM 4 PRO (Spesifikasi dan Ciri-ciri)



- a) Mengelak halangan secara automatik.
- b) Bergerak secara automatik menggunakan *ActiveTrack*.
- c) Fungsi *TapFly* membolehkan penerbangan dilaksanakan dengan cepat.
- d) Fungsi *Smart Return Home* membolehkan dron UAV pulang dengan keadaan selamat di tempat pelepasan.
- e) 20 minit waktu penerbangan yang maksimum, maksimum jarak penerbangan 14 km (pergi dan pulang),
- f) Kelajuan maksimum 44mph (72kmh).
- g) *Integrated gimbal* untuk kestabilan kamera dan rakaman yang baik.
- h) Dioptimumkan pada kedudukan altitud jarak penglihatan sehingga 10 meter.



## 2.0 TUJUAN

Tujuan utama bagi penyediaan SOP ini adalah panduan kepada pengguna Bahagian Pembangunan dan Jabatan/Agensi lain yang ingin menggunakan perkhidmatan dron UAV Unit GIS Negeri Pahang. Operator dan pengguna harus mematuhi segala peraturan dan undang-undang berkaitan iaitu **Akta Penerbangan Awam 1969, Peraturan Penerbangan Awam 2016 (14 April 2016) serta Pekeliling Am (Keselamatan Terhadap Dokumen Geospasial Terperingkat 2007), Arahan Keselamatan 1985 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88).**

Tujuan lain SOP adalah untuk menerangkan kaedah pelaksanaan operasi dron UAV. Pelaksanaan ini merangkumi syarat-syarat seperti kelayakan bagi pasukan dron, rancangan sebelum penerbangan, panduan pengendalian dron UAV, dan permohonan permit dari Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) serta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

## 3.0 SYARAT DAN PANDUAN

### 3.1. Peraturan dan Perundangan Penerbangan

- a) Setiap operasi penerbangan dron UAV perlu mendapatkan **permit penerbangan** daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) (sila rujuk di **LAMPIRAN 1** borang permohonan) serta daripada Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) (sila rujuk garis panduan di **LAMPIRAN 2**);
- b) Permohonan penggunaan dron UAV dari Jabatan/Agensi haruslah dilakukan 6 minggu sebelum dari misi operasi bagi memudahkan pihak bertanggungjawab menyediakan dokumen berkaitan dan ia juga boleh berubah ketetapan bergantung kepada sesuatu keperluan operasi;
- c) Tidak boleh diterbangkan di ruang udara kelas A, B, C, G dan zon trafik lapangan terbang iaitu jarak radius 8 kilometer (ertinya ruang udara sebagaimana yang dimaklumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).
- d) Ketinggian penerbangan tidak boleh melebihi anggaran 400 kaki atau 120 meter dan perlu memastikan jarak penerbangan selamat (*line of eyesight visual*) daripada bangunan ataupun yang boleh mendatangkan ancaman bahaya;

- e) Dron UAV yang digunakan hanyalah bertujuan untuk pemetaan fotograf udara, penggambaran dan video pemantauan;
- f) Berat dron UAV yang diterbangkan adalah tidak lebih daripada 20 kilogram (Perenggan 5.1, Seksyen 24(O), Akta Penerbangan Awam 1969);
- g) Tidak berhampiran dengan kawasan Zon Larangan Penerbangan dan Pertahanan (Kawasan Tentera dan Lapangan Terbang);
- h) Tidak dibenarkan membawa bahan-bahan berbahaya seperti bahan letupan atau mudah terbakar semasa operasi penerbangan.

### **3.2. Panduan berada di kawasan operasi**

- a) Pastikan kawasan penerbangan adalah jauh 30 meter selamat dari bangunan, orang awam dan struktur lain;
- b) Pastikan kawasan penerbangan berhampiran tiada struktur yang mempunyai pengaruh elektromagnet;
- c) Pastikan pilot berada pada jarak tidak kurang 6 meter dari dron UAV;
- d) Mengenal pasti ketinggian kawasan (AOI) muka bumi jika ada;
- e) Pastikan berada di kawasan yang lapang dan tinggi, tiada halangan seperti pokok;
- f) Ketinggian penerbangan adalah minimum 50 meter dari bangunan, orang awam dan struktur lain bergantung kepada keperluan.
- g) Tidak boleh diterbangkan di atas sekumpulan orang awam.
- h) Pastikan dron diterbangkan mengambilkira laluan kapal terbang ataupun helikopter pada masa tersebut.


#### 4.0 PASUKAN DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

##### 4.1. Syarat *Pilot In Charge-Drone (PIC-D)*

(Individu yang bertanggungjawab)

- a) Faham dan mempunyai pengetahuan am mengenai peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkaitan seperti CAAM serta JUPEM;
- b) Kesihatan fizikal dan mental dalam keadaan yang baik;
- c) Mengetahui spesifikasi dan kemampuan pesawat;
- d) Operator dron hendaklah mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk mengendalikan dron UAV;
- e) Telah mendapatkan latihan teori '*hands-on*', latihan teknikal di lapangan, dan taklimat yang disampaikan oleh pentauliah, perunding atau mana-mana pihak yang terlibat;
- f) Perlu melibatkan diri dalam kursus-kursus berkaitan dron UAV untuk menambah ilmu dan kemahiran penerbangan;
- g) Mempunyai pengetahuan tentang prosedur dalam misi penerbangan, dan prosedur penyelenggaraan;
- h) Telah mendapatkan kelulusan dan lantikan sah dari Jabatan.

**Rajah 2: Carta Organisasi Pasukan Dron *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang**



## 4.2. SKOP PASUKAN DRON

### **Pegawai Penyelaras Dron UAV**

- a) Penyelaras bagi pasukan dron UAV serta merangkap sebagai pegawai aset;
- b) Memastikan pasukan dron UAV sentiasa dalam keadaan bersiap sedia;
- c) Memastikan peralatan lengkap, selamat digunakan dan disimpan dalam keadaan selamat serta berkunci;
- d) Menyelaraskan pasukan dron setelah mendapat kelulusan permohonan dari Penasihat Dron UAV;
- e) Memastikan penghasilan pengeluaran data adalah tepat untuk dibentangkan.

### **Commander (UAV-C)**

- a) Melakukan perancangan penerbangan dan menyelaras persediaan dari segi data serta maklumat lokasi sebelum penerbangan;
- b) Menyampaikan taklimat sebelum UAV-P dan UAV-AP melakukan penerbangan;
- c) Memberikan arahan selanjutnya kepada UAV-P dan UAV-AP;
- d) Menyediakan laporan setelah selesai penerbangan dron UAV.

### **Pilot (UAV-P)**

- a) Juruterbang dron UAV dalam operasi penerbangan dron;
- b) Melakukan tinjauan di lokasi dan memeriksa keselamatan sebelum dan selepas penerbangan dron dari aspek cuaca, peralatan dan lain-lain;
- c) Memastikan peralatan dron dipasang dengan betul dan kemas.

### **Assistant Pilot (UAV-AP)**

- a) Pembantu juruterbang dron UAV dalam operasi penerbangan dron;
- b) Membantu UAV-P memantau keselamatan udara, darat dan sekitarnya;
- c) Membantu UAV-P melakukan pemasangan dan pemeriksaan peralatan.

### **Processing Data (PD) – \*\*bergantung kepada misi, keupayaan CPU dan keperluan output**

- a) Melakukan pemindahan data dari dron UAV ke komputer selepas selesai operasi penerbangan;
- b) Melakukan analisis data menggunakan perisian yang berkaitan;
- c) Menghasilkan pengeluaran data dalam bentuk imej fotograf, paparan 3D dan video;
- d) Menyediakan susun atur pada pelan yang lengkap dengan petunjuk selepas menghasilkan data.
- e) Menyediakan bahan multimedia bagi penghasilan persembahan data seperti video, 3D interaktif dan slide projek.

## 5.0 **STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DAN GARIS PANDUAN PENGENDALIAN DRON UAV**

Garis panduan ini bertujuan untuk persediaan pasukan dron bagi kelancaran prosedur kerja sebelum, semasa dan selepas misi penerbangan. Ciri-ciri keselamatan juga perlu diambil kira dalam suatu operasi penerbangan dron UAV.

### 5.1. **Prosedur Kerja Sebelum Operasi**

- a) UAV-C harus melaksanakan pemeriksaan kawasan terlebih dahulu menggunakan perisian ataupun *google map* sebelum melakukan operasi;
- b) Perancangan penerbangan haruslah dilakukan secara terperinci agar objektif operasi mencapai matlamat dan selamat;
- c) Pemakaian pasukan PIC-D yang menjalankan operasi haruslah bersesuaian seperti topi dan kasut serta vest keselamatan sekiranya ada bagi mengelakkan sebarang kemalangan di lapangan;
- d) UAV-P dan UAV-AP haruslah memeriksa kelengkapan alatan dron, sistem dron dan alat kawalan jauh adalah lengkap dan telah dicas baterinya;
- e) UAV-AP perlu memeriksa kawasan sekeliling supaya jarak selamat sebelum operasi dron diambil kira dan tidak membahayakan keselamatan orang awam, harta benda awam dan jadual penerbangan pesawat lain;
- f) UAV-P dan UAV-AP perlu memastikan operasi adalah selamat dan tidak membahayakan keselamatan PIC-D yang terlibat. Penerbangan harus diberhentikan sekiranya berlaku perkara di luar jangka kepada PIC-D. (contohnya: gangguan binatang liar/sekatan manusia);
- g) Faktor cuaca perlu diambil kira oleh PIC-D sebelum penerbangan sama ada misi perlu diteruskan ataupun ditangguhkan dengan mendapatkan maklumat cuaca dari stesen kaji cuaca serta membuat pemerhatian di sekitar tapak;
- h) Perlu melakukan permohonan permit dan kebenaran dari Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

### 5.1.1. Tatacara Sebelum Penerbangan Dron

- i. Memeriksa keadaan cuaca yang baik serta kawasan sekeliling dipastikan selamat dari ancaman bahaya;
- ii. Dron UAV dikeluarkan daripada beg simpanan dan diletakkan di tempat yang selamat dan rata (tidak mudah jatuh);
- iii. Melakukan pemasangan kipas pada badan dron UAV dengan betul. Pastikan kipas telah dikunci pada kekunci kipas;
- iv. Periksa status bateri dan pasangkan pada badan dron UAV;
- v. Sambungkan monitor skrin dan kabel pada alat kawalan jauh;
- vi. Sambungkan kad memori pada slot badan dron UAV dengan betul;
- vii. Kalibrasi pada dron UAV harus dilakukan sebelum dron UAV diterbangkan. Pastikan dron dalam keadaan '*Ready-ToFly*' ataupun lampu berwarna hijau ● pada skrin monitor;
- viii. UAV-P harus memeriksa serta melakukan perubahan tetapan (*setting*) seperti ketinggian, jarak, *area of interest* (AOI), *sensor*, tetapan kamera dan tetapan tapak pelancaran dron pada alat kawalan jauh dan skrin (peranti mudah alih) bagi memastikan tiada konflik semasa penerbangan;
- ix. Pastikan *radio antenna* (signal) berfungsi dengan baik;
- x. Dilarang sama sekali melakukan penerbangan jika lampu pada skrin monitor berwarna kuning (*Vision*) ● ataupun merah ● (No GPS dan ralat tetapan);
- xi. Dron UAV sedia diterbangkan jika semua tatacara di atas telah dilaksanakan.

## 5.2. Prosedur Kerja Semasa Operasi

- a) Sebelum penerbangan dilakukan, pastikan kesesuaian tapak untuk zon pelancaran dan zon pendaratan adalah selamat (koordinat kedudukan penerbangan telah dibaca oleh dron UAV untuk *auto return to home*/zon alternatif tapak pendaratan bagi pendaratan cemas);
- b) Melakukan penerbangan bebas (*manual*) ataupun secara *autopilot* dengan selamat;
- c) Penerbangan dron haruslah diterbangkan minimum 50 meter ketinggian dari orang awam;
- d) Pastikan jarak dron UAV selamat dari pokok dan bangunan yang boleh menyebabkan pelanggaran;
- e) Semasa penerbangan dijalankan, UAV-AP memainkan peranan untuk memantau ruang udara agar bebas dari halangan seperti burung (burung helang & kawanan burung) dan pesawat lain;
- f) UAV-P perlu peka pada kelajuan dron UAV serta kelajuan angin dan cuaca;
- g) Keperluan pemerolehan data fotograf udara bagi kawasan AOI haruslah bersesuaian dengan kapasiti storan mengikut misi penerbangan (pemindahan data dari kad storan kepada komputer riba perlu dilaksanakan jika perlu);
- h) Sentiasa memantau status bateri mencukupi untuk pergi dan pulang mengikut misi penerbangan. Persediaan untuk penukaran bateri perlu dilaksanakan jika status bateri menyatakan 30% ;
- i) UAV-P perlu memastikan status signal (*transmission* dan *radio*) adalah dalam keadaan selamat dan tidak terputus. Ini perlu mengambil kira persekitaran sesuatu kawasan serta jarak alat kawalan jauh dan dron UAV;
- j) Jika berlaku apa-apa kemungkinan dan gangguan pada status signal dan dron, haruslah serta merta menekan butang *auto return to home* untuk segera kembali ke lokasi asal penerbangan;
- k) Jika zon pendaratan asal tidak mahu digunakan atau dirasakan tidak selamat untuk diteruskan, haruslah mengawal dron menerusi penerbangan bebas atau membuat tetapan zon pendaratan



kecemasan di mana-mana kawasan yang difikirkan selamat untuk didaratkan dron.

### 5.3. Prosedur Penyelenggaraan Selepas Operasi

- a) Sejurus selesai penerbangan, perlu periksa keadaan dron UAV sama ada dalam keadaan baik ataupun tidak;
- b) Biarkan dron UAV dalam keadaan sejuk seketika dalam masa 5 hingga 10 minit sebelum disimpan;
- c) Buka kipas secara berhati-hati dan bateri dengan selamat;
- d) Kad storan perlu dikeluarkan dan membuat pemindahan data jika perlu;
- e) Pemindahan data perlu mengambilkira *back up data* sebelum data dibersihkan (*delete*) dari sumber kad storan;
- f) Komponen dron UAV harus dibersihkan sebelum penyimpanan;
- g) Perkakasan dron UAV dan kad storan haruslah disimpan di dalam beg/slot dengan cermat;
- h) PIC-D adalah bertanggungjawab melaporkan dengan segera segala kerosakan/kehilangan peralatan (jika ada) kepada penyelaras peralatan.

## 6.0 PERMOHONAN PERKHIDMATAN DRON UAV BAHAGIAN PEMBANGUNAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

- 6.1. Permohonan perkhidmatan dron UAV Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang buat masa ini hanya dibuka kepada Jabatan/Agensi Teknikal Negeri Pahang yang berkaitan sahaja. (Rujuk senarai Jabatan/Agensi yang berkaitan **di LAMPIRAN 3**). Pemohon perlu mendapatkan kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang;
- 6.2. Setiap permohonan bagi perkhidmatan dron UAV pentadbiran ini, pemohon dikehendaki mengisi borang **SUKPHG-2.700-8/7/12 ( )** seperti **di LAMPIRAN 4**;
- 6.3. Permohonan adalah tertakluk kepada prosedur kelulusan yang telah ditetapkan (rujuk **Carta Alir A**). Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya 5 minggu sebelum sesi penerbangan. Hal ini disebabkan, Unit Sistem Maklumat Geografi (GIS) Negeri Pahang juga akan melakukan permohonan permit serta surat permohonan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) seperti di **LAMPIRAN 5 & 6**. Walaubagaimanapun, tempoh permohonan dari pemohon kepada pentadbiran ini tertakluk kepada tujuan dan keperluan semasa operasi dron UAV ataupun keperluan *ad-hoc*;
- 6.4. Caj bayaran permit Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dikenakan sebanyak **RM250/per hari** (untuk dron bawah 20kg) kepada Agensi/Jabatan yang memohon perkhidmatan UAV ini manakala caj bayaran permit Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) adalah sebanyak **RM50/per hari**;
- 6.5. Segala tuntutan perjalanan dan tanggungan lain juga ditanggung oleh Agensi/Jabatan yang memohon kepada pentadbiran ini;
- 6.6. Surat-surat yang berkaitan perlu dikemukakan kepada pentadbiran ini daripada jabatan/agensi yang memohon. Contoh surat adalah seperti berikut:-
  - a) Surat permohonan dari pemohon;
  - b) Surat kebenaran masuk/akses di lapangan/premis (jika berkenaan).

6.7.Keperluan permohonan permit penerbangan (penggambaran) dron UAV dari Bahagian Geospatial Pertahanan (BGSP) JUPEM:-


- a) Borang PPN 130 (3 salinan) boleh didapati di laman sesawang JUPEM;
- b) Salinan IC pemohon/juruterbang (3 salinan);
- c) Surat iringan dari agensi/jabatan yang memohon (1 salinan);
- d) Surat iringan dari agensi/jabatan yang melantik (3 salinan) jika ada;
- e) Surat kelulusan/kebenaran syarikat/pemilik bangunan/kawasan yang membenarkan (3 salinan);
- f) Peta lokasi/cerapan udara (AOI) (3 salinan);
- g) Spesifikasi data teknikal peralatan penggambaran udara (1 salinan).

6.8.Keperluan mendapatkan permit penerbangan (kebenaran ruang udara (NOTAM)) dari CAAM:-


- a) Surat rasmi dari pemohon
- b) Data KML/KMZ dalam bentuk *Degrees, Minutes, Seconds*, (D, M, S);
- c) Surat iringan dari agensi/jabatan yang memohon
- d) Surat kebenaran dari JUPEM
- e) Surat keizinan kawasan (jika ada)

**CARTA ALIR**  
**PERMOHONAN PERKHIDMATAN DRON UNMANNED AERIAL VEHICLE**  
**BAHAGIAN PEMBANGUNAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**


**CARTA ALIR A : PERMOHONAN**




## CARTA ALIR B : PERMOHONAN PERMIT DAN ASET DRON UAV



## CARTA ALIR C : PROSES PEMULANGAN ASET DRON UAV



## CARTA ALIR D : PEMROSESAN DATA



## LAMPIRAN

1. Borang Permohonan Permit Fotografik Udara daripada JUPEM (PPN Pin.1/2002);
2. Garis Panduan Operasi Penerbangan Ruang Udara Malaysia *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV)\_AIC 04/2008;
3. Jabatan/Agensi Teknikal Negeri Yang Layak Mohon Perkhidmatan Dron UAV Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang;
4. Borang Permohonan Pinjaman *Drone UAV & GPS Handheld* Bahagian Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang;
5. Surat Permohonan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM);
6. Surat Permohonan ke Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM);
7. Senarai Semak Penerbangan Selamat (*Safe Fly*)
8. Output Data (Imej Ortofoto).



**LAMPIRAN 1 :**  
**BORANG PERMOHONAN PERMIT**  
**FOTOGRAFIK UDARA**  
**DARIPADA JUPEM**  
**(PPN PIN.1/2002)**

(Diberi PERCUMA)

**Borang PPN 130  
Pin.1/2002**

(Penuhkan Dengan Huruf Besar – 3 salinan sahaja)

Pengarah Pemetaan Negara  
Direktorat Pemetaan Negara Malaysia  
Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak)  
50578 KUALA LUMPUR

**PERMOHONAN KEBENARAN BAGI PENGAMBILAN FOTOGRAF UDARA**

1. Saya yang bertandatangan di bawah, ingin memohon kebenaran bagi pengambilan fotograf udara. Butir-butir dan maklumat adalah seperti berikut:
  - a. Bangunan / Kawasan akan dibuat penggambaran \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - b. Kebenaran yang diberi oleh pihak berkuasa Bangunan / Kawasan berkenaan disertakan di Kembaran \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
2. Sebab-sebab penggambaran dibuat bagi Bangunan / Kawasan yang dimohon adalah: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
3. Sekiranya fotograf-fotograf yang diambil perlu di bawa ke negara asing, nyatakan nama negara dan sebab-sebabnya:  
Nama negara: \_\_\_\_\_  
Sebab: \_\_\_\_\_
4. Butir-butir maklumat penerbangan adalah seperti berikut:
  - a. Jenis kapal terbang: \_\_\_\_\_  
dipunyai oleh: \_\_\_\_\_
  - b. Jenis Kamera: \_\_\_\_\_
  - c. Jenis filem (Hitam dan putih atau berwarna): \_\_\_\_\_
  - d. Tinggi Penggambaran: \_\_\_\_\_
  - e. Jumlah tangkapan / pendedahan atau jangka panjang filem: \_\_\_\_\_
  - f. Tarikh cadangan penerbangan : \_\_\_\_\_
  - g. Butir-butir lengkap arah penerbangan disertakan di Kembaran: \_\_\_\_\_  
(tekanan surih di atas peta berskala 1: 25 000 atau 1: 50 000 atau 1: 250 000 dikehendaki)
5. Butir-butir peribadi saya adalah seperti berikut:
  - a. Nama: \_\_\_\_\_  
Tulisan Cina: \_\_\_\_\_
  - b. Tempat dan tarikh lahir: \_\_\_\_\_  
No. K/P (atau No. Pasport): \_\_\_\_\_
  - c. Kerakyatan: \_\_\_\_\_  
Tarikh tiba di Malaysia (jika bukan rakyat Malaysia): \_\_\_\_\_
  - d. Alamat penuh tempat tinggal 5 tahun yang lalu: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
  - e. Nama, alamat dan jenis perniagaan / pekerjaan saya adalah: \_\_\_\_\_
  - f. Jatawan saya: \_\_\_\_\_
  - g. Tugas-tugas saya yang lain: \_\_\_\_\_
  - h. Nombor telefon pejabat / telefon bimbit: \_\_\_\_\_ Rumah: \_\_\_\_\_
  - i. E-mail: \_\_\_\_\_
6. Bahawasanya saya berjanji akan menyimpan negatif dan positif fotograf-fotograf yang diperolehi di tempat yang berkunci dan tidak membenarkan orang-orang yang tiada kebenaran mengambilnya. Saya mengetahui bahawa bahan fotograf ini adalah bahan yang terperingkat dan akan menjaganya mengikut pembekalan Akta Rahsia Rasmi, 1972.

7. Saya akan menyerahkan kepada Pengarah Pemetaan Negara Malaysia, satu salinan asal tiap-tiap negatif dan positif untuk semakan / pemeriksaan.

8. Butir-butir peribadi jurugambar :

- a. Nama : \_\_\_\_\_  
Tulisan Cina : \_\_\_\_\_
- b. Tempat dan tarikh lahir: \_\_\_\_\_  
No. K/P (atau No. Pasport): \_\_\_\_\_
- c. Kerakyatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh tiba di Malaysia (jika bukan rakyat Malaysia) : \_\_\_\_\_
- d. Nama dan alamat syarikat jurugambar : \_\_\_\_\_
- e. Nombor telefon pejabat / telefon bimbit : \_\_\_\_\_ Rumah : \_\_\_\_\_
- f. E-mail : \_\_\_\_\_

9. Butir-butir peribadi juruterbang:

- a. Nama : \_\_\_\_\_  
Tulisan Cina : \_\_\_\_\_
- b. Tempat dan tarikh lahir: \_\_\_\_\_  
No. K/P (atau No. Pasport): \_\_\_\_\_
- c. Kerakyatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh tiba di Malaysia (jika bukan rakyat Malaysia) : \_\_\_\_\_
- d. Nama dan alamat syarikat jurugambar : \_\_\_\_\_
- e. Nombor telefon pejabat / telefon bimbit : \_\_\_\_\_ Rumah : \_\_\_\_\_
- f. E-mail : \_\_\_\_\_
- a.

-----  
(Tarikh)

-----  
(Tandatangan Pemohon dan Cop Rasmi  
Perbadanan/Pertubuhan/Firma)

**CATATAN:**

1. Masa selama lebih kurang 12-14 hari dikehendaki untuk memproses permohonan.
2. Seorang pemerhati dari Direktorat Pemetaan Negara akan mengikut rombongan apabila pengambilan fotograf udara dijalankan.
3. Permohonan perlu disertakan dengan :
  - a. Surat Iringan
  - b. Satu salinan kad pengenalan/pasport pemohon, jurugambar dan juruterbang
  - c. Satu salinan Sijil Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan
  - d. Surat kuasa/kebenaran dari pemilik bangunan atau kawasan di mana penggambaran akan dilakukan (jika perlu)
  - e. Surat lantikan jurugambar jika jurugambar daripada agensi yang berlainan
  - f. Surat kelulusan/kebenaran dari Jabatan Ketua Menteri bagi penggambaran di Negeri Sabah dan Sarawak

---

**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**

Rujukan Kelulusan: \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN 2 :**  
**GARIS PANDUAN OPERASI**  
**PENERBANGAN RUANG**  
**UDARA MALAYSIA**  
***UNMANNED AERIAL VEHICLE***  
**(UAV)\_AIC 04/2008**

---

# AIC

# MALAYSIA

PHONE : 6-03-8871 4000
TELEX : PENAWA MA 30128
FAX : 6-03-8881 0530
AFTN : WMKKYAYS
COMM : AIRCIVIL
KUALA LUMPUR

AERONAUTICAL INFORMATION SERVICES  
DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION  
LEVEL 1-4, PODIUM BLOCK,  
NO. 27, PERSIARAN PERDANA,  
PRECINCT 4,  
62618 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

<b>04 / 2008</b>
<b>18 FEB</b>

---

## UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV) OPERATIONS IN MALAYSIAN AIRSPACE

### 1. INTRODUCTION

- 1.1 This AIC is issued in the exercise of the powers conferred under Section 24[O] of the Civil Aviation Act 1969.

### 2. POLICY

- 2.1 It is the policy of the Department of Civil Aviation, Malaysia (DCA) that UAVs operating in Malaysia must meet or exceed the safety and operational standards as those for manned aircraft. Thus, UAV operations must be safe as manned aircraft insofar so they must not present or create a hazard to persons or property in the air or on the ground greater than that attributable to the operations of manned aircraft of equivalent class or category.
